

Rujukan Kami : TNB(B) /PP/HEKO 14/15/1C

Tarikh : 29 Disember 2015

Pengguna-pengguna yang dihormati,

Tuan/puan,

POLISI BARU TARIF INDUSTRI KHAS (TIK) BERKUATKUASA SELEPAS 1 JANUARI 2016

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Kerajaan telah meluluskan perlaksanaan polisi baru Tarif Industri Khas (TIK) di mana kadar diskaun TIK akan dikurangkan secara beransur-ansur / berperingkat sebanyak lebih kurang 2% setiap tahun bermula pada 1 Januari 2016 sehingga diskaun TIK ditamatkan sepenuhnya menjelang tahun 2020. Pengurangan diskaun TIK adalah bertujuan untuk menggalakkan pengguna menggunakan tenaga elektrik secara cekap dan meminimumkan pembaziran, sejajar dengan pelaksanaan program pengurusan tenaga yang telah ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Pengurusan Elektrik Dengan Cekap 2008.
3. Sehubungan itu, pihak Kerajaan juga telah menetapkan bahawa permohonan baru TIK akan berakhir pada 1 Januari 2016, di mana pengguna-pengguna industri yang tidak pernah / belum pernah membuat permohonan TIK sebelum ini, tidak lagi layak untuk memohon TIK selepas 1 Januari 2016.
4. Bagi pelaksanaan polisi baru ini, pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menetapkan syarat-syarat kelayakan baru berdasarkan kepada penjimatan tenaga bagi semua permohonan TIK selepas 1 Januari 2016 seperti dinyatakan dalam Lampiran 1A & 1B.
5. Sehubungan itu juga, bagi mengurangkan beban kenaikan kos operasi pengguna-pengguna industri setelah diskaun TIK dikurangkan secara beransur-ansur/berperingkat, TNB akan memperkenalkan skim *Enhanced Time Of Use (E-TOU) tariff* secara pilihan kepada pengguna-pengguna industri yang terlibat bermula 1 Januari 2016.
6. Secara ringkasnya, skim ETOU ditawarkan kepada pengguna voltan sederhana dan voltan tinggi di bawah tarif C1, C2, H1, H2, F1, F2, E1, E1s, E2, E2s, E3 dan E3s mulai Januari 2016 manakala bagi pengguna di bawah tarif D dan Ds, bermula pada 1 Januari 2017. Kadar tarif ETOU adalah seperti di Lampiran 5.
7. Untuk makluman pengguna industri, pihak pengguna hanya boleh diberikan satu kategori tarif sahaja pada satu masa sama ada tarif TIK atau ETOU. Bagi pengguna-pengguna yang sedang menikmati TIK dan memohon untuk bertukar ke skim ETOU, tarif TIK akan dibatalkan dan pengguna akan dicajkan berdasarkan kadar tarif ETOU.

POLISI BARU TARIF INDUSTRI KHAS (TIK) BERKUATKUASA SELEPAS 1 JANUARI 2016

8. Berikut merupakan jadual tarif TIK berkuatkuasa pada 1 Januari 2016 dan 1 Januari 2017 untuk rujukan pihak tuan/puan:

Tariff Category	Unit	Existing Rates 01-Jan-14	New Rates 01-Jan-16	New Rates 01-Jan-17
Tariff Ds – Special Industrial Tariff (for consumers who qualify only) For all kWh <i>The Minimum Monthly Charge is</i>	sen/kWh RM	42.70 7.20	42.70 7.20	43.60 7.20
Tariff E1s – Special Industrial Tariff (for consumers who qualify only) For each kilowatt of maximum demand per month For all kWh <i>The Minimum Monthly Charge is</i>	RM/kW sen/kWh RM	23.70 33.60 600.00	26.00 33.70 600.00	28.50 33.70 600.00
Tariff E2s – Special Industrial Tariff (for consumers who qualify only) For each kilowatt of maximum demand per month during the peak period For all kWh during the peak period For all kWh during the off-peak period <i>The Minimum Monthly Charge is</i>	RM/kW sen/kWh sen/kWh RM	32.90 33.60 19.10 600.00	33.60 34.30 19.50 600.00	34.30 35.00 19.90 600.00
Tariff E3s – Special Industrial Tariff (for consumers who qualify only) For each kilowatt of maximum demand per month during the peak period For all kWh during the peak period For all kWh during the off-peak period <i>The Minimum Monthly Charge is</i>	RM/kW sen/kWh sen/kWh RM	29.00 31.70 17.50 600.00	29.60 32.30 17.90 600.00	30.20 32.90 18.30 600.00

9. Untuk maklumat lanjut berkenaan polisi dan syarat-syarat kelayakan TIK yang baru berserta senarai semak dokumen yang perlu dimajukan selepas 1 Januari 2016, pihak tuan/puan boleh melayari laman web TNB di [www.tnb.com.my/MyTNB/Commercial & Industrial/Industrial Consumer/Special Industrial Tariff](http://www.tnb.com.my/MyTNB/Commercial%20&%20Industrial/Industrial%20Consumer/Special%20Industrial%20Tariff).

10. Bersama-sama ini juga dimajukan dokumen tersebut untuk rujukan:

- i. Lampiran 1A & 1B – Syarat-syarat kelayakan dan dokumen yang perlu dimajukan
- ii. Lampiran 2 – Senarai semak permohonan TIK selepas 1 Januari 2016
- iii. Lampiran 3 – Contoh Appendix 1
- iv. Lampiran 4 – Contoh Appendix 2
- v. Lampiran 5 – Kadar Tarif ETOU bermula 1 Januari 2016
- vi. Lampiran 6 – Surat Pengesahan Penerimaan

11. Dokumen-dokumen yang telah dilengkapkan perlu dimajukan ke alamat seperti berikut :

Pengurus Besar (Pengurusan Komersil)
Jabatan Perkhidmatan Pengguna
Bahagian Pembahagian, TNB
Tingkat 16, Wisma TNB
No. 19, Jalan Timur
46200 Petaling Jaya, Selangor.

POLISI BARU TARIF INDUSTRI KHAS (TIK) BERKUATKUASA SELEPAS 1 JANUARI 2016

12. Selain itu, pihak tuan diminta untuk mengembalikan semula surat pengesahan penerimaan seperti di lampiran 6 bagi tujuan penyemakan kelayakan TIK tuan/puan di bawah polisi baru TIK berkuatkuasa selepas 1 Januari 2016.
13. Untuk sebarang pertanyaan sila majukan emel kepada pegawai bertugas TIK seperti di bawah :
- | | | |
|-----|-----------------------------|------------------------|
| i) | Encik Jude Ignatius Lazaroo | (Jude@tnb.com.my) atau |
| ii) | Puan Mazni binti Kornan | (MazniK@tnb.com.my) |

Sekian, terima kasih.

**"POWERING THE NATION"
"BETTER. BRIGHTER."**



Ir. Kamaliah binti Abdul Kadir
Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Pengguna)
Jabatan Perkhidmatan Pengguna
Tenaga Nasional Berhad

s.k Naib Presiden (Pembahagian)
Tenaga Nasional Berhad

POLISI BARU TARIF INDUSTRI KHAS (TIK) BERKUATKUASA SELEPAS 1 JANUARI 2016

s.k Ir. Azhar bin Omar
 Pengarah Kanan,
 Jabatan Kawal Selia Pembekalan dan Pasaran Elektrik,
 Suruhanjaya Tenaga, Putrajaya.

PENGUNA-PENGGUNA INDUSTRI YANG LAYAK MEMOHON TARIF INDUSTRI KHAS (TIK) BERDASARKAN SYARAT-SYARAT BARU KERAJAAN

Tiada lagi permohonan TIK baru diterima selepas 1 Januari 2016 kecuali:

- Pengguna sediaada yang pernah memohon TIK dalam tempoh 3 tahun kebelakang iaitu 2013-2015 samada layak atau tidak

Jenis Permohonan	Permohonan diterima sebelum 1 Jan 2016	Permohonan diterima selepas 1 Jan 2016
Ulangkaji	Layak	Layak
Semula	Layak	Layak
Baru	Layak	Tidak Layak

KRITERIA-KRITERIA YANG PERLU DIAMBILKIRA BAGI PENGGUNA YANG LAYAK MEMOHON TIK SELEPAS 1 JANUARI 2016

Tempoh Permohonan Dimajukan	Permohonan Tahun Pertama – bagi Tahun Kewangan Pengguna bermula Jan 2016 sehingga Dis 2016 (Bagi Permohonan Ulangkaji dan Semula sahaja)	Permohonan Tahun Kedua bermula Tahun Kewangan Jan 2017 dan seterusnya
Kriteria yang diambil kira untuk melayakkan pengguna mendapat TIK	<p>1) Kos elektrik melebihi kos operasi syarikat sebanyak 5%</p> <p>a) Laporan Kewangan beraudit bagi tahun Kewangan sebelumnya.</p> <p>b) Appendix 1 yang telah disahkan oleh juruaudit luar.</p> <p>c) 12 bulan bil elektrik bagi tahun Kewangan yang sama.</p> <p><i>(Untuk maklumat terperinci, sila rujuk Lampiran 1(B))</i></p> <p>2) Pengguna perlu memenuhi kriteria Kecekapan Tenaga seperti yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga</p> <p>a) Surat lantikan Pengurus Tenaga Elektrik yang berdaftar</p> <p>b) Pengiraan <i>baseline kWh/unit production</i> (12bulan)</p> <p>c) Pelan penjimatan tenaga yang disahkan oleh Pengurus Tenaga Elektrik yang berdaftar</p> <p><i>(Untuk maklumat terperinci, sila rujuk Lampiran 1(C))</i></p>	<p>1) Pengguna perlu memenuhi kriteria Kecekapan Tenaga seperti yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga dan mesti menunjukkan penurunan terhadap indeks kecekapan tenaga.</p> <p>a) Surat lantikan Pengurus Tenaga Elektrik yang berdaftar</p> <p>b) Pengiraan <i>baseline kWh/unit production</i> (12bulan)</p> <p>c) Pelan penjimatan tenaga yang disahkan oleh Pengurus Tenaga Elektrik yang berdaftar</p> <p>d) Penjimatan yang dilakukan dalam <i>kWh/unit production</i> dan <i>kWh savings</i> (berbanding indeks <i>kWh/unit production</i> tahun sebelumnya)</p> <p><i>(Untuk maklumat terperinci, sila rujuk Lampiran 1(D))</i></p>

RUJUKAN

1) SYARAT-SYARAT KELAYAKAN 5% KOS ELEKTRIK DAN DOKUMEN YANG PERLU DIMAJUKAN

SYARAT – SYARAT KELAYAKAN 5% KOS ELEKTRIK	DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DIMAJUKAN
<p>1. Pengguna industri (tarif D, E1, E2 dan E3) yang telah beroperasi sekurang-kurangnya setahun dan mempunyai akaun elektrik berdaftar atas nama syarikat sendiri dengan TNB (nama yang sama di atas bil elektrik dan laporan kewangan). Bil elektrik hendaklah untuk tempoh masa 12 bulan supaya ianya dapat diselaraskan dengan penyata akaun yang telah diaudit untuk tempoh 12 bulan tersebut.</p> <p>2. Kos elektrik berbanding kos operasi keseluruhan hendaklah sekurang – kurangnya atau melebihi 5%.</p>	<p>Salinan bil elektrik untuk tempoh dua belas (12) bulan mengikut tahun kewangan syarikat masing-masing. Nama pengguna di salinan bil elektrik mestilah sama dengan nama di dalam Laporan Kewangan syarikat.</p> <p>i) Laporan Kewangan terkini yang telah diaudit lengkap ditandatangani oleh Lembaga Pengarah Syarikat, manakala bahagian Juruaudit Luar dan Pesuruhjaya Sumpahan) tandatangan dan cop rasmi adalah diperlukan.</p> <p>ii) Borang Appendix 1 perlu dipenuhi oleh Juruaudit Luar serta lengkap ditandatangani dan cop rasmi Juruaudit Luar hendaklah tertera di dalam borang tersebut. Format Appendix 1 TNB mestilah dipatuhi.</p> <p>iii) Sekiranya syarikat tuan mempunyai lebih daripada satu akaun, maka pecahan kos yang berasingan perlu ditunjukkan di dalam Appendix 1. Jumlah kos keseluruhan setiap akaun tersebut mesti sama dengan jumlah kos di dalam Laporan Kewangan dan pihak tuan juga perlu memberitahu pihak TNB dasar pengalihan kos yang telah digunakan.</p> <p>Format Borang Appendix 1 dilampirkan.</p>
<p>3. Pengguna bebas dari sebarang kes penggunaan elektrik secara curang.</p>	

2) SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK KECEKAPAN TENAGA DAN SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DIMAJUKAN.
Tahun pertama – terhad untuk permohonan Ulangkaji dan Semula sahaja

SYARAT – SYARAT KELAYAKAN KECEKAPAN TENAGA	DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DIMAJUKAN
<p>1. Melantik Pengurus Tenaga Elektrik (PTE) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga dan tempoh kelayakan masih sah</p>	<p>i) Surat perantikan Pengurus Tenaga Elektrik (PTE). ii) Sijil Pengurus Tenaga Elektrik (PTE) yang sah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga sahaja bagi tempoh permohonan tersebut.</p>
<p>2. Pengguna telah menjalankan aktiviti kecekapan tenaga dengan mengemukakan pelan kecekapan tenaga yang telah disahkan oleh Pengurus Tenaga Elektrik (PTE) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.</p>	<p>i) Laporan Pelan Kecekapan Tenaga bagi tahun kewangan 2015 (baseline) yang telah disahkan oleh Pengurus Tenaga Elektrik (PTE). Borang Appendix 2 yang telah dipenuhi serta lengkap ditandatangani dan cop rasmi Pengurus Tenaga Elektrik (PTE) hendaklah tertera di dalam borang tersebut. Format Appendix 2 TNB mestilah dipatuhi. Format Borang Appendix 2 dilampirkan.</p>
<p>3. Pengguna perlu memajukan data trend 1 tahun penggunaan elektrik per unit produk (kWj/unit produk) yang telah disahkan oleh Pengurus Tenaga Elektrik (PTE).</p>	<p>Data/laporan jumlah penggunaan elektrik per unit produk (kWj/unit produk) untuk 1 tahun kebelakang (12 bulan) yang telah disahkan oleh Pengurus Tenaga Elektrik (PTE)</p>
<p>4. Pengguna bebas dari sebarang kes penggunaan elektrik secara curang.</p>	

** Pihak TNB berhak samada sendiri atau melalui pihak ketiga atau melantik juruaudit luar untuk mengkaji dokumen-dokumen yang dikemukakan termasuk Laporan Kewangan, Appendix 1, Appendix 2 dan lain-lain. Segala kos yang diaudit tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pemohon. Pemohon perlu memberi jawapan lengkap untuk kesemua soalan/pertanyaan tambahan dari TNB/juruaudit luar yang dilantik.

3) SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK KECEKAPAN TENAGA DAN SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DIMAJUKAN UNTUK PERMOHONAN TAHUN KEDUA DAN SETERUSNYA.
(Terhad untuk permohonan Ulangkaji sahaja)

SYARAT – SYARAT KELAYAKAN	DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DIMAJUKAN
<p>1. Melantik Pengurus Tenaga Elektrik (PTE) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga dan tempoh kelayakan masih sah</p>	<p>i) Surat perlantikan Pengurus Tenaga Elektrik (PTE). ii) Sijil Pengurus Tenaga Elektrik (PTE) yang sah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga sahaja bagi tempoh permohonan tersebut.</p>
<p>2. Pengguna perlu memajukan data penggunaan elektrik bagi setiap unit pengeluaran bagi tahun tersebut.</p> <p>3. Pengguna menjalankan aktiviti kecekapan tenaga dengan membuktikan terdapat pengurangan dari segi index penggunaan elektrik per unit produk (kWh/unit produk) berbanding tahun sebelumnya.</p>	<p>i) Laporan Pelan Kecekapan Tenaga bagi tahun kewangan semasa yang telah disahkan oleh Pengurus Tenaga Elektrik (PTE). ii) Borang Appendix 2 yang telah dipenuhi serta lengkap ditandatangani dan cop rasmi Pengurus Tenaga Elektrik (PTE) hendaklah tertera di dalam borang tersebut. Format Appendix 2 TNB mestilah dipatuhi. Format Borang Appendix 2 dilampirkan.</p>
<p>4. Pengguna bebas dari sebarang kes penggunaan elektrik secara curang.</p>	

** Pihak TNB berhak samada sendiri atau melalui pihak ketiga atau melantik juruaudit luar untuk mengkaji dokumen-dokumen yang dikemukakan termasuk Laporan Kewangan, Appendix 1, Appendix 2 dan lain-lain. Segala kos yang diaudit tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pemohon. Pemohon perlu memberi jawapan lengkap untuk kesemua soalan/pertanyaan tambahan dari TNB/juruaudit luar yang dilantik.

SENARAI SEMAK PERMOHONAN TARIF INDUSTRI KHAS (TIK) SELEPAS 1 JANUARI 2016**TAHUN PERTAMA :****Tahun Kewangan Pengguna Bermula Januari 2016 – Disember 2016**

Nama Pengguna _____

No Akaun _____

Stesen _____

Tarif _____

BAGI TAHUN KEWANGAN SYARIKAT : bulan/tahun

Borang ini hendaklah diisi dan dikembalikan bersama permohonan lengkap untuk Tarif Industri Khas

Sila tandakan pada ruangan yang telah disediakan

A) Laporan Kewangan Terkini lengkap dengan perkara-perkara berikut :-

Tandatangan Lembaga Pengarah

Tandatangan dan cop Juruaudit Luar

Tandatangan dan cop Pesuruhjaya Sumpah

B) Salinan Bil Elektrik

Salinan bil elektrik 12 bulan dari bulan _____

hingga _____ (bagi tempoh laporan kewangan)

Nama Pengguna di dalam bil elektrik mesti sama dengan Laporan Kewangan**C) Borang Apendix 1**

Borang asal diisi dengan lengkap

Cop dan tandatangan Juruaudit Luar

Nota :-

- "Cost of goods sold" dan "operating expenses" perlu dinyatakan dengan terperinci
- Bagi Pengguna yang mempunyai lebih dari satu akaun elektrik samada di dalam premis yang sama atau di lokasi yang berlainan, perlu memberi pecahan kos bagi setiap akaun di dalam Apendix 1

D) Keperluan Kecekapan Tenaga

- a) Sijil Pengurus Tenaga Elektrik (PTE) yang sah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga
- b) Surat Perlantikan Pengurus Tenaga Elektrik (PTE)
- c) Laporan Kecekapan Tenaga bagi tahun semasa - *Baseline*
- d) Basis data – data/laporan jumlah penggunaan elektrik per unit produk (kWj/unit) untuk 1 tahun kebelakang (12 bulan)

E) Borang Apendix 2

Borang asal diisi dengan lengkap

Cop dan tandatangan Pengurus Tenaga Elektrik (PTE)

Nota** Pihak TNB berhak samada sendiri atau melalui pihak ketiga atau melantik juruaudit luar atau mana-mana agensi luar yang berkaitan untuk mengkaji dokumen-dokumen yang dikemukakan termasuk Laporan Kewangan, Apendix 1, Apendix 2, laporan pelan kecekapan tenaga, laporan baseline dan yang berkaitan. Segala kos yang diaudit tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pemohon. Pemohon perlu memberi jawapan lengkap untuk kesemua soalan/pertanyaan tambahan dari TNB/juruaudit luar yang dilantik.

Dokumen yang lengkap perlu dimajukan kepada alamat seperti berikut ::

Pengurus Besar (Pengurusan Komersil), Jabatan Perkhidmatan Pengguna

Aras 16, Wisma TNB, Jalan Timur, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

SENARAI SEMAK PERMOHONAN TARIF INDUSTRI KHAS**TAHUN KEDUA DAN SETERUSNYA:****Tahun Kewangan Pengguna - Januari 2017 dan seterusnya****BAGI TAHUN KEWANGAN : bulan/tahun**

Nama Pengguna _____

No Akaun _____

Stesen _____

Tarif _____

Borang ini hendaklah diisi dan dikembalikan bersama permohonan lengkap untuk Tarif Industri Khas

Sila tandakan pada ruangan yang telah disediakan

A) Keperluan Kecekapan Tenaga

Sijil Pengurus Pengurus Tenaga Elektrik (PTE) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga

Surat Perlantikan Pengurus Tenaga Elektrik (PTE)

Laporan Kecekapan Tenaga bagi tahun semasa

B) Borang Apendix 2

Borang asal diisi dengan lengkap

Cop dan tandatangan Pengurus Tenaga Elektrik (PTE)

Nota** Pihak TNB berhak samada sendiri atau melalui pihak ketiga atau melantik juruaudit luar untuk mengkaji dokumen-dokumen yang dikemukakan termasuk Laporan Kewangan, Appendix 2 dan lain-lain. Segala kos yang diaudit tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pemohon. Pemohon perlu memberi jawapan lengkap untuk kesemua soalan/pertanyaan tambahan dari TNB/juruaudit luar yang dilantik.

Dokumen yang lengkap perlu dimajukan kepada alamat seperti berikut :

Pengurus Besar (Pengurusan Komersil), Jabatan Perkhidmatan Pengguna

Aras 16, Wisma TNB, Jalan Timur, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

APPENDIX 1

PLANT / FACTORY :
(as per electricity bill)

TNB's account no :

		Current Year ()	Last Year ()
Business Revenue		<hr/>	
1.			
2.			
3.			
Total	(1)	<hr/>	
Cost of Goods Sold *		<hr/>	
1.			
2.			
3.			
4.			
Total	(2)	<hr/>	
Operating Expenses **		<hr/>	
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
Total	(3)	<hr/>	
Total Cost (2 + 3) =	(4)	<hr/>	
Profit Before Tax	(1 – 4)	<hr/>	
Less : Taxation		<hr/>	
Profit After Tax		<hr/>	

We certify that the revenue & expenses (direct & indirect) relating to the above premise reflect a true and fair picture of the operation.

.....
 Certified by External Auditor
 (signed & stamped)

Notes :**** a. Operating expenses includes**

- TNB's Electricity bills
- Other bills eg. Phones, water, rents, assessment & rates
- Salaries, bonus, KWSP, gratuities
- Medical expenses
- Training & research & development
- Entertainment
- Depreciation (eg. Equipment, plant & machinery)
- Transport & travelling
- Professional & consultancy fees
- Advertising & marketing expenses
- Stationery
- Insurance
- Allocated Cost
- Overhead
- FOREX
- Exceptional item
- Etc

*** b. Cost of Goods Sold includes**

- Raw materials
- Direct labour
- Direct overhead
- Other inputs

c. % of electricity usage is

$$\frac{\text{Electricity Cost}}{\text{Total Cost}} = (\geq \text{to } 5\% \text{ for eligibility})$$

Electricity Cost = Maximum Demand charge + Energy charge only

Total Costs = Cost of Goods Sold + Operating Expenses

d. Business Revenue = Business Revenue + All Other Income

(Netting off Other Income in Expenses is NOT permitted)

APPENDIX 2

Customer Name : _____

TNB's Account No : _____

Energy Manager : _____

Validity of Energy Manager Certificate : _____

Main Products	Actual Electricity Consumption (kWh)/year	Actual Total Production (unit)/year	Total electricity consumption per unit products (kWh/unit) (current year)	Total electricity consumption per unit products (kWh/unit) (last year)
Products 1 :				
Products 2 :				
Products 3 :				
Products 4 :				
Total				
Weightage / Average				

**** Energy Manager's comments (if any):**

We certify that the data (direct & indirect) relating to the above premise reflect a true and fair picture of the operation.

.....
Certified by Energy Manager
(signed & stamped)

KADAR TARIF *Enhance Time Of Use* (ETOU) bermula 1 Januari 2016

Tariff Category	Demand Charge (RM/kW/Month)		Energy Charge (sen/kWh)		
	Peak	Mid-Peak	Peak	Mid-Peak	Off Peak
Commercial C1 MV ETOU	34.00	28.80	58.40	35.70	28.10
Commercial C2 MV ETOU	48.40	42.60	63.60	33.90	22.40
Industrial D LV ETOU	42.10	37.20	48.40	32.70	24.90
Industrial E1 MV ETOU	35.50	29.60	56.60	33.30	22.50
Industrial E2 MV ETOU	40.00	36.00	59.20	33.20	21.90
Industrial E3 HV ETOU	38.30	35.00	57.60	32.70	20.20

For other medium voltage customers such as Specific Agriculture Tariff (H1 and H2) or Mining (F1 and F2), they may apply for ETOU but their tariff will either be under ETOU C1 or ETOU C2 plus any discount if applicable under current policy.

SURAT PENGESAHAN PENERIMAAN

POLISI BARU TARIF INDUSTRI KHAS (TIK) BERKUATKUASA SELEPAS 1 JANUARI 2016

Kepada:

Pengurus Besar (Pengurusan Komersil)
Jabatan Perkhidmatan Pengguna
Bahagian Pembahagian, TNB
Tingkat 16, Wisma TNB
No. 19, Jalan Timur
46200 Petaling Jaya, Selangor.

(u/p : Puan Mazni binti Kornan / Encik Jude Ignatius Lazaroo)

Tuan/puan,

Adalah dengan ini, pihak kami _____ (nama syarikat)
telah menerima surat pemakluman syarat-syarat baru Tarif Industri Khas (TIK) yang akan berkuatkuasa
selepas 1 Januari 2016 pada _____.

Sekian terima kasih.

Yang Benar,

_____)

Tarikh:

Cop Syarikat: